

30 NOV 97

Mahathir-Harga

PENIAGA YANG NAIK HARGA SAMA DENGAN GOLONGAN SABOTAJ EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata para peniaga yang menaikkan harga barangan dalam keadaan negara menghadapi masalah ekonomi merupakan golongan yang sama dengan orang yang sabotaj ekonomi Malaysia.

Dengan merujuk secara khusus kepada kenaikan harga minyak masak pada masa ini, Perdana Menteri berkata, kabinet akan membincangkan masalah kenaikan harga barangan itu pada mesyuarat mingguannya Rabu ini kerana kerajaan ingin tahu mengapa mereka ingkar pada arahan supaya harga minyak masak tidak dinaikkan.

"Saya berasa amat sedih kerana tak ada langsung perasaan patriotisme kepada negara, nak tolong mengatasi masalah negara sedikitpun tak hendak.

"Mereka nampak untung yang banyak bagi diri mereka kerana kos mereka dalam negeri tak naik. Sebaliknya mereka dapat jual (di luar negara) dengan harga yang lebih tinggi dalam matawang ringgit kerana mereka jual dalam matawang dolar (Amerika Syarikat)," katanya ketika ditanya pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Taman Tasik Titiwangsa di sini.

Dr Mahathir berkata, tidak ada sebab mengapa kerajaan patut membenarkan harga minyak masak di negara ini dinaikkan kerana para pengeluar minyak sawit mendapat "durian runtuh" berikutan penjualan minyak itu di luar negara dengan menggunakan dolar.

Pada 17 Nov lepas, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata, kerajaan dijangka menetapkan kenaikan maksimum 30 peratus bagi sekilogram minyak masak kelapa sawit berdasarkan kejatuhan nilai ringgit sebanyak 30 peratus.

Menurut Megat Junid, harga minyak sawit mentah telah meningkat daripada RM1,400 setan pada 1995 kepada RM1,680 setan tahun ini.

Ketika diminta mengulas tindakan para peniaga menaikkan harga minyak masak kebelakangan ini walaupun kerajaan masih belum membuat keputusan mengenainya, Dr Mahathir berkata: "Kita tak buat keputusan untuk menaikkan (harga minyak masak), bahkan kita berpendapat tidak ada sebab mengapa dia harus naik (kerana) ini barangan daripada dalam negeri, bukan import."

"Kita berasa dukacita kenapa dia naikkan (harga) minyak masak kerana minyak masak daripada kelapa sawit. Kita tahu mereka yang mengeluarkan minyak ini untuk jual ke luar negeri mendapat durian runtuh kerana kos mereka tidak naik di dalam negeri.

"Sebaliknya harga pasaran di luar negeri masih dalam matawang asing yang tinggi dan mereka dapat durian runtuh. Sepatutnya mereka korban sedikit untuk membekalkan orang tempatan dengan harga lama tapi nampak mereka hendak untung sahaja daripada masalah yang dihadapi negara," katanya dalam nada kecewa dan marah dengan tindakan para peniaga itu.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap para peniaga yang menaikkan harga minyak masak secara sesuka hati tanpa mahu sedikitpun berkorban untuk negara sedangkan mereka sudahpun memperolehi keuntungan yang banyak daripada penjualan di luar negara.

"Saya tahu yang membuat penapisan minyak sawit di Malaysia ini mereka terpaksa beli minyak dengan harga yang tinggi daripada pengeluar minyak yang lebih suka eksport daripada menjual dalam negeri," katanya.

(Menurut Megat Junid, para pengeluar minyak sawit sebenarnya membuat lebih banyak keuntungan berikutan kejatuhan nilai ringgit kerana 95 peratus

pengeluaran adalah untuk pasaran luar negara manakala penggunaan tempatan hanya lima peratus).

Dr Mahathir berkata, kerajaan tahu peniaga mana (dalam proses penjualan minyak sawit) yang sebenarnya mendapat keuntungan berlebihan dan tindakan akan dikenakan terhadap mereka jika mereka sengaja tidak mahu menjual dengan harga yang berpatutan di dalam negeri.

"Kita akan ada undang-undang untuk mengenakan tindakan terhadap orang yang mencari keuntungan berlebihan kerana mereka mengambil kesempatan daripada masalah yang dihadapi oleh negara, masalah yang dihadapi oleh rakyat negara ini.

"Mereka harus menurunkan (harga minyak masak). Bila (harga) satu barang naik, yang lain semua nanti turut sama sebab itu kita tak benar barang seperti minyak masak kelapa sawit naik," katanya.

Mengenai tindakan para peniaga yang menjual barangan stok lama pada harga baru pula, Dr Mahathir berkata, para peniaga seperti itulah yang akan menyebabkan negara akhirnya terpaksa tunduk kepada orang lain kerana mereka hanya mementingkan usaha mencari keuntungan berlebihan bagi diri sendiri.

-- BERNAMA

AH RAZ AKD